




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

5 JANUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 280 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 241,660 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di daerah Ranau. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 210 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 234,477 orang. Manakala 771 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 408 orang di hospital, 362 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 30 orang merangkumi 29 di ICU/repurposed kritikal *care* serta satu (1) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 14 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat (4)* dan *lima (5)* yang masih belum lengkap vaksin ialah 25 (25.51%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Sipitang berubah dari zon jingga ke zon merah.

- 4 Pecahan daerah mengikut zon:
- Zon Kuning tujuh (7) daerah.
 - Zon Jingga empat (4) daerah.
 - Zon Merah 16 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Umlah kes harian di Sabah terus naik dan hari ini mencatatkan kes sebanyak 280 kes, peningkatan sebanyak 22 kes berbanding semalam.
- b. Terdapat 11 daerah mencatatkan kes pada kadar dua (2) angka dengan tiga (3) daripadanya mencapai 40 kes ke atas, iaitu Kota Belud 41 kes, Kota Kinabalu 41 kes dan Tuaran 40 kes. 13 daerah merekodkan kes satu (1) angka sahaja dan tidak ada kes baharu di tiga (3) daerah.
- c. Kota Belud dan Tuaran menunjukkan peningkatan kes yang agak ketara masing-masing dengan pertambahan 22 kes dan 18 kes berbanding semalam. Penampang pula mencatatkan penurunan yang agak besar dengan merekodkan penurunan 36 kes.
- d. Sebanyak 276 daripada 280 kes pada hari ini berada dalam Kategori 1 dan 2. Tidak ada kes dalam Kategori 3, manakala dua (2) kes dalam Kategori 4 dan terdapat satu (1) kes dalam Kategori 5. Terdapat satu (1) kes yang masih lagi dalam penilaian lanjut JKNS.
- e. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (145) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	2	0.71%
2	Bergejala	91	32.50%
3	Kontak	145	51.79%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	42	15%
JUMLAH		280	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (4 Januari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 4/01/2022	Catatan Kes 5/01/2022	Perbandingan
1	Kota Belud	19	41	+22
2	Tuaran	22	40	+18
3	Kota Kinabalu	32	41	+9
4	Keningau	11	18	+7
5	Putatan	13	18	+5
6	Ranau	6	11	+5
7	Sandakan	7	11	+4
8	Telupid	0	4	+4
9	Beaufort	7	9	+2
10	Papar	7	9	+2
11	Pitas	0	2	+2
12	Kuala Penyu	12	13	+1
13	Sipitang	5	6	+1
14	Kunak	0	1	+1
15	Beluran	3	3	Mendatar
16	Kinabatangan	2	2	Mendatar
17	Kalabakan	0	0	Mendatar
18	Semporna	0	0	Mendatar
19	Penampang	49	13	-36
20	Kota Marudu	19	11	-8
21	Tenom	14	7	-7
22	Kudat	4	1	-3
23	Tambunan	12	10	-2
24	Tongod	3	1	-2
25	Tawau	5	4	-1
26	Nabawan	1	0	-1
27	Lahad Datu	5	4	-1
JUMLAH		258	280	+22

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 15 Hari (22 Disember – 4 Januari)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	21	16	0	4	41	439
Kota Belud	0	28	10	0	3	41	230
Tuaran	0	29	8	0	3	40	338
Putatan	0	9	7	0	2	18	121
Keningau	0	4	7	0	7	18	114
Penampang	0	3	8	0	2	13	252
Kuala Penyu	0	10	3	0	0	13	71
Kota Marudu	0	5	6	0	0	11	85
Sandakan	0	6	1	0	4	11	50
Ranau	2	4	3	0	2	11	196
Tambunan	0	8	2	0	0	10	68
Papar	0	3	4	0	2	9	126
Beaufort	0	3	3	0	3	9	99
Tenom	0	4	3	0	0	7	54
Sipitang	0	4	2	0	0	6	42
Tawau	0	0	0	0	4	4	43
Lahad Datu	0	1	3	0	0	4	23
Telupid	0	2	2	0	0	4	14
Beluran	0	1	1	0	1	3	29
Kinabatangan	0	0	1	0	1	2	16
Pitas	0	0	0	0	2	2	8
Kudat	0	0	0	0	1	1	30
Tongod	0	0	1	0	0	1	22
Kunak	0	0	0	0	1	1	3
Nabawan	0	0	0	0	0	0	9
Semporna	0	0	0	0	0	0	1
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	1
JUMLAH	2	145	91	0	42	280	2,484

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Ranau	Kluster Jalan Kem Bina	2
Jumlah		2

6 Tiada kluster baharu direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,149 unit

- Hospital 1,262 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,697 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 18.58%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 5 JANUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	267
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	2
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	10
Jumlah	280

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Arab Saudi	1
Emiriah Arab Bersatu	1
Jumlah	2

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
WP Labuan	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	273
Bukan Malaysia	7
Jumlah	280

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	51
Belum Menerima Vaksin	17
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	182
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	30
Jumlah	280

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	2
1 to 5	22
6 to 11	27
12 to 17	17
18 to 25	37
26 to 59	138
>60	37
Jumlah	280

C KES IMPORT PERTAMA VARIAN OMICRON DI SABAH

- 1 Satu kes import varian Omicron telah di laporkan pada 04 Januari 2022 di daerah Tawau, iaitu merupakan kes pertama yang dikesan di Sabah. Kes (pesakit) merupakan seorang lelaki warganegara Malaysia yang telah menunaikan umrah di Arab Saudi bersama isteri pada 09 Disember hingga 18 Disember 2021. Mereka kembali ke Malaysia pada 19 Disember 2021 melalui KLIA.
- 2 Penama (pesakit) bersama isteri tiba di Tawau pada 20 Disember 2021. Setibanya di Tawau, penama (pesakit) dan isteri diarah menjalani kuarantin di rumah mereka. Keputusan ujian *whole genome sequencing* pada 04 Januari 2022 menunjukkan penama positif varian Omicron. Isteri pesakit yang juga sedang menjalani kuarantin pada masa yang sama dengan suami dikesan positif COVID-19 melalui ujian PCR pada 24 Disember 2021. Keputusan *whole genome sequencing* untuk isterinya masih dalam ujian di IMR.
- 3 Kedua-dua pesakit telah lengkap di vaksin seawal bulan Jun 2021. Keadaan kedua-dua pesakit pada masa ini adalah sihat. Semasa disahkan positif COVID-19, suami adalah pada Kategori 2 manakala isterinya adalah pada Kategori 1. Mereka berdua telah selesai menjalani kuarantin pada 01 Januari 2022 dan telah pulih daripada sakit jangkitan virus Covid.

D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 4 Januari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 6,234 orang. Daripada jumlah ini, seramai 6,082 orang adalah penduduk dewasa dan 152 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 4 Januari 2022 adalah seramai 2,449,837 orang. Ini meliputi 2,113,464 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.62% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,404,729 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,093,189 orang atau 75.88% adalah penduduk dewasa.

- 3 Seramai 336,373 orang atau 77.51% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 311,540 atau 71.78% orang setakat ini.

E BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **679,891** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 7,818 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 42 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 135 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 29 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 897 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT

- ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 293 premis perniagaan dan 740 individu di 18 kawasan. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Splash Carwash. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan pemilik premis gagal memastikan pekerja mendaftar masuk guna aplikasi MySejahtera / Buku Pendaftaran di Yeong Ann TCM Acupuncture Thereapy, Luyang.

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 259 Premis Perniagaan melibatkan 119 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.

- 7 Sejumlah 72 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di empat (4) daerah pada hari ini.

- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 65 hebahan di seluruh Sabah.

G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.1 %**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.4%
2	Beluran	98.3%
3	Tenom	98.2%
4	Semporna	98.2%
5	Kinabatangan	98.2%
6	Beaufort	98.2%
7	Kota Marudu	98.1%
8	Keningau	98.1%
9	Kota Kinabalu	98.1%
10	Papar	98.1%
11	Ranau	98.1%
12	Sipitang	98.1%
13	Kudat	98.1%
14	Lahad Datu	98%
15	Sandakan	98%
16	Kota Belud	98%
17	Penampang	97.9%
18	Tawau	97.8%
19	Tuaran	97.8%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II